

# SIC jangka matlamat tarik 120,000 penonton terjejas

UM - 6 MAR 2004

KUALA LUMPUR 5 Mac — Sepang International Circuit (SIC) menjangka hari pengundian bagi pilihan raya umum ke-11 pada 21 Mac ini sedikit sebanyak menjejaskan matlamat-nya untuk menarik kedatangan 120,000 penonton ke perlumbaan Formula Satu Dunia Grand Prix Malaysia yang turut berlangsung pada hari itu.

Sehubungan itu juga, SIC akan mengadakan mesyuarat Isnin ini bagi membincangkan strategi baru berkaitan persiapan menganjurkan perlumbaan itu.

Pegawai Media SIC, Azhar Ghazali berkata, tumpuan pihaknya sekarang ialah cuba mengurangkan kesan daripada hari pengundian agar sambutan ke atas perlumbaan itu tidak terjejas teruk.

“Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Mahathir dan Pengurus Besar SIC, Ahmad Mustafa sudah pun mengadakan perbincangan tidak formal sebaik sahaja pengumuman dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini.

“Dalam sehari dua ini, SIC akan mencari jalan terbaik untuk mengubah strategi untuk menarik kedatangan penonton,” ujarnya ketika diminta mengulas mengenai kesan pengumuman SPR yang menetapkan 21 Mac ini sebagai hari pengundian bagi pilihan raya ke-11.

Buat masa ini katanya, agak mustahil untuk menunda perlumbaan itu ke tarikh lain kerana ia sudah ditetapkan oleh Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) lebih awal.

Menurutnya, beberapa usaha sedang difikirkan, termasuk menjadikan Litar Sepang sebagai saluran mengundi.

“Itu tidak mustahil kita lakukan dan secara tidak langsung kita boleh menggalakkan orang ramai mengundi pada sebelah pagi,” tegasnya.

Ini kerana kata beliau, perlumbaan sebenar hanya akan bermula pada pukul 3 petang.

Malaysia menganjurkan pusingan kedua Kejohanan F1 Dunia tahun ini. Pusingan pertama akan berlangsung di Melbourne, Australia, Ahad ini.

Tahun lalu, matlamat SIC untuk menarik kedatangan penonton seramai 100,000 orang tercapai berikutan promosi besar-besaran yang dilakukan di seluruh dunia.